

## **BAB 4**

### **KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Soal selidik yang diedarkan kepada sampel mengandungi 38 soalan yang dipecahkan kepada 10 bahagian. Bahagian A mengandungi sembilan soalan dan soalan pertama hingga soalan kesembilan adalah mengenai angkubah demografi bagi responden dan bidang serta bentuk karya yang telah dan akan dihasilkan.

Bahagian B mengandungi tiga soalan yang menyentuh mengenai tanggapan terhadap peranan BIROTEKS sebagai penerbit universiti di Malaysia.

Bahagian C merangkumi dua soalan bagi melihat keperluan latihan dalam bidang penulisan dan penterjemahan kepada responden.

Bahagian D mengandungi enam soalan yang menyentuh mengenai format reka bentuk dan kerja-kerja penerbitan BIROTEKS.

Bahagian E mengandungi empat soalan yang bertujuan untuk melihat aktiviti pasaran dan pengedaran dalam urusan kerja-kerja penerbitan.

Bahagian F juga mengandungi empat soalan bagi menilai keperluan BIROTEKS di semua cawangan ITM.

Bahagian G pula mengandungi dua soalan sahaja. Ia mengandungi butiran mengenai struktur organisasi dan sumber kewangan BIROTEKS.

Bahagian H mengandungi empat soalan dan ianya ingin melihat kepentingan BIROTEKS kepada sistem pengurusan ITM.

Bahagian I dan J pula mengandungi dua soalan. Bahagian I bertujuan untuk melihat kepentingan BIROTEKS kepada para pelajar ITM. Dan Bahagian J pula berkaitan dengan komisyen dan kecenderungan responden terhadap BIROTEKS.

Jawapan bagi butiran-butiran dari semua soalan dalam 10 bahagian dianalisis secara kekerapan bagi mendapatkan maklumat tertentu.

#### **4.2 LATAR BELAKANG SAMPEL**

Dalam bahagian ini akan diturunkan data yang berhubung dengan latar belakang sampel seperti kategori sampel, kelulusan akademik tertinggi, bidang yang diajar dan maklumat mengenai bentuk karya yang telah dan bakal diterbitkan dengan BIROTEKS.

Sampel-sampel yang memberi respon kepada soal selidik ini berdasarkan kategori dapat dilihat dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Kategori Sampel

Kategori Sampel	Bilangan	Peratus
Bekas Penulis	32	41.6
Kakitangan Akademik	45	58.4
Jumlah	77	100.0

Majoriti iaitu seramai 32 orang (41.6 %) merupakan bekas penulis yang pernah terlibat sebagai penulis atau penterjemah untuk BIROTEKS. Manakala terdapat 45 orang (58.4 %) kakitangan akademik yang telah memberi kerjasama untuk memberi maklum balas dengan soal selidik yang diedarkan.

Jadual 4: Profil Kawasan Sampel Berdasarkan Kampus ITM

Kampus ITM	Bilangan	Peratus
Shah Alam	53	68.8
Perlis	3	3.9
Kedah	2	2.6
P. Pinang	2	2.6
Perak	1	1.3
Melaka	2	2.6
Johor	2	2.6
Pahang	2	2.6
Trengganu	4	5.2
Kelantan	4	5.2
Sarawak	0	0.0
Sabah	2	2.6
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4 menunjukkan logistik sampel ITM di seluruh Malaysia. Berdasarkan analisis, ternyata sekali bilangan sampel yang paling besar ialah seramai 53 orang (68.8 %) iaitu di ITM Shah Alam.

Berdasarkan kepada kelulusan akademik tertinggi terdapat peringkat yang berbeza-beza di antara semua sampel seperti Jadual 5 di bawah:

**Jadual 5: Kelulusan Akademik Tertinggi**

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
PhD	30	39.0
Profesional	2	2.6
Sarjana atau setaraf	42	54.5
Sarjana Muda atau setaraf	3	3.9
Diploma	0	0.0
Lain-lain	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 5 menunjukkan seramai 30 orang (39.0 %) sampel mencatatkan sebagai mempunyai kelulusan PhD sebagai kelulusan akademik tertinggi. Sampel yang mencatat kelulusan akademik tertinggi selain di peringkat PhD ialah berkelulusan sarjana iaitu seramai 42 orang (54.5 %). Ini selaras dengan usaha pihak ITM yang mewajibkan kakitangan akademiknya berkelulusan sarjana atau setaraf sebagai syarat pengambilan kakitangan akademik.

Jadual 6 pula menunjukkan gred gaji sampel. Dari analisis tersebut seramai 9 orang (11.7 %) merupakan Profesor di ITM, 13 orang (16.9 %) Profesor Madya dan 31 orang (40.3 %) berada pada jawatan Pensyarah Kanan. Terdapat segelintir iaitu 21 orang (27.3 %) Pensyarah (DT3) dan tiga orang (3.9 %) Pensyarah (A11).

Jadual 6: Gred Gaji

Gred Gaji	Bilangan	Peratus
Profesor	9	11.7
Profesor Madya	13	16.9
Pensyarah Kanan	31	40.3
Pensyarah (DT3)	21	27.3
Pensyarah (A11)	3	3.9
Pensyarah (DG6)	0	0.0
Penolong Pensyarah	0	0.0
Lain-lain	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 7 pula menunjukkan kekerapan bentuk karya yang bakal diterbitkan dengan BIROTEKS. Berdasarkan pada analisis kekerapan ini 22.6 % (19) masih berminat hendak terbitkan karya asal, 6.0 % (5) karya terjemahan, 10.7 % (9) karya berbentuk monograf dan 2.4 % (2) berbentuk prosiding.

**Jadual 7: Kekerapan Bentuk Karya Yang Bakal**

**Diterbitkan Dengan BIROTEKS**

Bentuk Karya	Kekerapan	Peratus
Karya asal	19	22.6
Terjemahan	5	6.0
Monograf	9	10.7
Proceeding	2	2.4
Mimeografi	0	0.0
Tiada	49	58.3
<b>Jumlah</b>	<b>84</b>	<b>100.0</b>

### **Ringkasan**

Dari hasil analisis data berhubung dengan data latar belakang sampel dapatlah dibuat beberapa rumusan:

Majoriti sampel (96.1 %) memiliki kelulusan sarjana dan ke atas sebagai pendidikan tertinggi di ITM. Manakala dari aspek senioriti

kakitangan, lebih 68.9 % dari sampel yang menjawab soal selidik ini tergolong dari kumpulan akademik kanan dan terkanan dalam sistem pengurusan ITM. Ini menunjukkan kerjasama yang diperolehi dari kalangan kakitangan akademik yang menjawab soal selidik adalah baik.

#### **4.3 PERSEPSI SAMPEL TERHADAP PERANAN BIROTEKS SEBAGAI PENERBIT UNIVERSITI**

BIROTEKS sememangnya disenaraikan sebagai salah sebuah penerbit universiti. Namun sejauhmanakah warga kampus ITM terutama kumpulan kakitangan akademik menerima serta memahaminya dapat dilihat daripada hasil analisis seterusnya.

Dari Jadual 8 didapati bahawa seramai 46 orang (59.7 %) menyatakan mereka tahu bahawa BIROTEKS berperanan sebagai penerbit universiti. Sebanyak 15 orang (19.5 %) subjek menyatakan mereka tidak setuju dikatakan mereka tidak tahu BIROTEKS merupakan antara salah sebuah penerbit universiti di Malaysia.

**Jadual 8: Sampel Tidak Tahu BIROTEKS**

**Merupakan Sebuah Penerbit Universiti**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	7	9.1
Setuju	4	5.2
Tidak Pasti	5	6.5
Tidak Setuju	15	19.5
Sangat Tidak Setuju	46	59.7
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 9 menunjukkan pengetahuan sampel terhadap “house-style” BIROTEKS dalam bidang penerbitan. Sebanyak 26.0 % atau 20 orang subjek sangat setuju dan 40.3 % atau 31 orang subjek setuju yang mereka tahu BIROTEKS ada “house-style”.

Jadual 9: BIROTEKS Mempunyai “House-style”

Dalam Penerbitannya

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	20	26.0
Setuju	31	40.3
Tidak Pasti	20	26.0
Tidak Setuju	3	3.9
Sangat Tidak Setuju	3	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 10: BIROTEKS Tidak Seharusnya Ada

Dasar Penerbitan Sendiri

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	5	6.5
Setuju	13	16.9
Tidak Pasti	22	28.6
Tidak Setuju	24	31.2
Sangat Tidak Setuju	13	16.9
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual di atas menunjukkan seramai 24 orang (31.2 %) subjek tidak setuju dan 13 orang (16.9 %) sangat tidak setuju jika BIROTEKS tidak ada dasar penerbitannya sendiri. Dalam erti kata lain sebanyak 48.1 % atau 37 orang subjek mencadangkan BIROTEKS harus ada dasar penerbitannya bagi

memantapkan lagi kerja-kerja penerbitan untuk menjamin kualiti penerbitannya.

### **Ringkasan**

Seramai 61 orang (79.2 %) tahu BIROTEKS berperanan sebagai sebuah penerbit universiti kerana seramai 51 orang (66.3 %) tahu bahawa BIROTEKS mempunyai “house-style”nya sendiri dalam kerja-kerja penerbitan. Di samping itu, seramai 37 orang (48.1 %) menyatakan sokongannya terhadap usaha-usaha untuk diwujudkan Dasar Penerbitan BIROTEKS.

#### **4.4 KEPERLUAN LATIHAN DALAM BIDANG PENULISAN DAN PENTERJEMAHAN**

Bidang penerbitan bukanlah merupakan sesuatu yang mudah. Tanpa latihan berterusan dan pendedahan yang luas setiap individu tidak mudah dapat menghasilkan suatu kerja penerbitan yang berkualiti. Justeru itu, latihan dalam bidang penulisan dan penterjemahan diperlukan ataupun sebaliknya.

Jadual 11 menunjukkan minat subjek untuk diberi latihan dalam bidang penulisan. Seramai 33 orang (42.9 %) sangat setuju dan 28 orang

(36.4 %) subjek setuju untuk diberi latihan. Manakala 6 orang (7.8 %) tidak setuju dan 1 orang (1.3 %) sangat tidak setuju untuk diberi latihan penulisan.

Jadual 11: Keperluan Latihan Penulisan

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	33	42.9
Setuju	28	36.4
Tidak Pasti	9	11.7
Tidak Setuju	6	7.8
Sangat Tidak Setuju	1	1.3
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 12: Tidak Minat Latihan Terjemahan

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	8	10.4
Setuju	11	14.3
Tidak Pasti	14	18.2
Tidak Setuju	22	28.6
Sangat Tidak Setuju	22	28.6
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 12 memperlihatkan minat subjek untuk tidak diberi latihan dalam bidang terjemahan. Seramai 22 orang (28.6 %) sangat tidak setuju dan juga 22 orang (28.6 %) tidak setuju untuk tidak diberi latihan dalam bidang

terjemahan. Dalam erti kata lain mereka menyokong penuh untuk diberi latihan terjemahan memandangkan terjemahan bukan suatu kerja yang mudah.

### **Ringkasan**

Kebanyakan sampel iaitu seramai 61 orang (79.3 %) menyatakan minat untuk diberi latihan dalam bidang penulisan. Manakala seramai 44 orang (57.2 %) pula berminat untuk diberi latihan dalam bidang terjemahan. Semua sampel ini begitu merasakan bahawa setiap latihan akan memberi pendedahan yang meluas dan keyakinan mendalam untuk menerbitkan sesebuah penerbitan.

#### **4.5 TANGGAPAN TERHADAP FORMAT REKA BENTUK DAN KERJA-KERJA PENERBITAN**

Jadual 13 menunjukkan seramai 49 orang (63.6 %) mengakui benar mereka sangat setuju perlu garis panduan serta format penerbitan sebelum kerja-kerja penulisan dilaksanakan. Juga seramai 24 orang (31.2 %) bersetuju dengan perkara ini. Hanya 1.3 % atau seorang subjek menjawab tidak bersetuju.

**Jadual 13: Garis Panduan Serta Format Penerbitan**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	49	63.6
Setuju	24	31.2
Tidak Pasti	3	3.9
Tidak Setuju	1	1.3
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
Jumlah	77	100.0

Jadual 14 di bawah menunjukkan seramai 7 orang (9.1 %) subjek sangat setuju dan 12 orang (15.6 %) subjek setuju menyatakan mereka telah diberitahu terlebih dahulu format buku yang bakal dihasilkan. Namun begitu seramai 42 orang (54.5 %) yang berpendapat tidak pasti. Sementara 7 orang (9.1 %) menjawab tidak setuju dan 9 orang (11.7 %) menjawab sangat tidak setuju .

Jadual 14: Format Buku Dihasilkan

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	7	9.1
Setuju	12	15.6
Tidak Pasti	42	54.5
Tidak Setuju	7	9.1
Sangat Tidak Setuju	9	11.7
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 15 di bawah menunjukkan 22 orang (28.6 %) subjek sangat setuju jilidan buku perlu diperbaiki. Manakala 29 orang (37.7 %) setuju dengan penyataan tadi. Namun begitu 24 orang (31.2 %) subjek menyatakan tidak pasti dan 2 orang (2.6 %) menyatakan tidak setuju.

Jadual 15: Jenis Jilidan Perlu Dibaiki

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	22	28.6
Setuju	29	37.7
Tidak Pasti	24	31.2
Tidak Setuju	2	2.6
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 16: Tidak Berminat Melibatkan Diri Dalam  
Proses Menghasilkan Kulit Buku

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	3	3.9
Setuju	12	15.6
Tidak Pasti	17	22.1
Tidak Setuju	22	28.6
Sangat Tidak Setuju	23	29.9
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 16 menunjukkan 23 orang (29.9 %) subjek sangat tidak setuju untuk tidak melibatkan diri dalam proses menghasilkan kulit buku mereka. Juga seramai 22 orang (28.6 %) tidak setuju dikecualikan dari penglibatan ini. Hanya seramai 12 orang (15.6 %) menjawab setuju dan 3 orang (3.9 %) menjawab sangat setuju.

Jadual 17: Mengwastakan Kerja-kerja Atur Huruf

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	13	16.9
Setuju	12	15.6
Tidak Pasti	21	27.3
Tidak Setuju	17	22.1
Sangat Tidak Setuju	14	18.2
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 17 didapati dalam mengwastakan kerja-kerja atur huruf seramai 13 orang (16.9 %) subjek sangat setuju untuk tidak melepaskan kerja-kerja atur huruf kepada syarikat swasta. Juga 12 orang (15.6 %) setuju dengan kenyataan tadi. Bagaimanapun seramai 14 orang (18.2 %) menjawab sangat tidak setuju dan 17 orang (22.1 %) subjek menjawab tidak setuju.

**Jadual 18: DTP BIROTEKS Berkembang Ikut Kemajuan**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	45	58.4
Setuju	22	28.6
Tidak Pasti	6	7.8
Tidak Setuju	2	2.6
Sangat Tidak Setuju	2	2.6
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 18 mendapati seramai 45 orang (58.4 %) sangat setuju peralatan/bahan “Desktop Publishing” (DTP) di BIROTEKS berkembang mengikut kemajuan teknologi penerbitan masa kini. Juga seramai 22 orang (28.6 %) subjek menjawab setuju dengan pernyataan tadi. Bagaimanapun seramai dua orang (2.6 %) menjawab tidak setuju dan dua orang lagi (2.6 %) menjawab sangat tidak setuju.

## **Ringkasan**

Bilangan subjek yang berpendapat bahawa mereka perlu diberi garis panduan serta format penerbitan ialah seramai 73 orang (94.8 %). Hal ini berlaku disebabkan kebanyakan mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang penerbitan. Ini dapat dilihat dalam minat mereka untuk melibatkan diri dalam menghasilkan buku mereka sendiri. Seramai 45 orang (58.5 %) subjek menyatakan tidak setuju untuk tidak melibatkan mereka dalam menghasilkan kulit buku mereka. Minat mereka begitu mendalam mungkin kerana menghasilkan buku merupakan satu dorongan untuk urusan kenaikan pangkat.

### **4.6 TANGGAPAN TERHADAP PASARAN DAN PENGEDARAN BUKU BIROTEKS**

Berdasarkan Jadual 19 menunjukkan seramai 30 orang (39.0 %) sangat setuju dengan pernyataan bahawa BIROTEKS lewat dalam urusan kerja-kerja penerbitannya. Ini disokong lagi dengan persetujuan seramai 20 orang (26.0 %). Hanya 3 orang (3.9 %) menjawab tidak setuju dan 2 orang (2.6 %) menjawab sangat tidak setuju.

Jadual 19: Tanggapan BIROTEKS Lewat Dalam

Urusan Kerja Penerbitan

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	30	39.0
Setuju	20	26.0
Tidak Pasti	22	28.6
Tidak Setuju	3	3.9
Sangat Tidak Setuju	2	2.6
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 20: Tanggapan Pasaran Buku Menggalakan

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	5	6.5
Setuju	6	7.8
Tidak Pasti	57	74.0
Tidak Setuju	5	6.5
Sangat Tidak Setuju	4	5.2
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 20 menunjukkan 57 orang (74 %) subjek tidak pasti sama ada sekiranya mereka menerbitkan buku ianya mendapat pasaran yang menggalakkan ataupun sebaliknya. Namun begitu seramai 5 orang (6.5 %) sangat setuju dan 6 orang (7.8 %) setuju bahawa buku mereka bakal mendapat pasaran yang baik.

Jadual 21: Tanggapan Buku BIROTEKS Mudah Diperolehi

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	1	1.3
Setuju	16	20.8
Tidak Pasti	37	48.1
Tidak Setuju	18	23.4
Sangat Tidak Setuju	5	6.5
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 21 menunjukkan seramai 37 orang (48.1 %) subjek tidak pasti sama ada buku-buku terbitan BIROTEKS mudah diperolehi sekiranya diperlukan. Manakala 18 orang (23.4 %) menyatakan tidak setuju dengan kenyataan buku BIROTEKS mudah diperolehi. Namun seramai 16 orang (20.8 %) subjek menjawab setuju dan seorang (1.3 %) menjawab sangat setuju.

Jadual 22: Tanggapan BIROTEKS Hanya Di ITM Shah Alam

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	22	28.6
Setuju	29	37.7
Tidak Pasti	19	24.7
Tidak Setuju	6	7.8
Sangat Tidak Setuju	1	1.3
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 22 menerangkan seramai 29 orang (37.7 %) setuju dan 22 orang (28.6 %) sangat setuju dengan pernyataan bahawa BIROTEKS hanya terdapat di Shah Alam. Namun begitu seramai 19 orang (24.7 %) menjawab tidak pasti, 6 orang (7.8%) tidak setuju dan seorang (1.3 %) menjawab sangat tidak setuju.

### **Ringkasan**

Kebanyakan sampel menegaskan bahawa BIROTEKS sering lewat dalam kerja-kerja urusan penerbitannya. Ini dapat dilihat dengan kenyataan seramai 50 orang (65.0 %) yang menyokong penuh pernyataan ini dengan menyatakan persetujuan mereka. Bagaimanapun keyakinan mereka meragukan bila seramai 57 orang subjek rasa tidak pasti dengan pasaran buku mereka sekiranya ia berjaya diterbitkan. Adapun seramai 60 orang (78 %) menyatakan tidak pasti dan sangat tidak setuju bahawa buku-buku BIROTEKS mudah diperolehi. Sekiranya hal ini berlaku, ianya boleh melemahkan sokongan dan kepercayaan kakitangan akademik dengan kewibawaan BIROTEKS.

#### **4.7 TANGGAPAN KEPERLUAN BIROTEKS DI SEMUA CAWANGAN ITM**

Jadual di bawah menunjukkan ramai subjek bersetuju dengan kenyataan BIROTEKS perlu diwujudkan di kampus-kampus cawangan ITM. Seramai 23 orang (29.9 %) menjawab sangat setuju dan 29 orang (37.7 %) menjawab setuju. Namun begitu seramai 12 orang (15.6 %) menyatakan rasa tidak setuju mereka dengan pernyataan ini. Dan seramai 5 orang (6.5 %) menjawab sangat tidak setuju.

**Jadual 23: BIROTEKS Perlu Diwujudkan**

**Di Seluruh Cawangan ITM**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	23	29.9
Setuju	29	37.7
Tidak Pasti	8	10.4
Tidak Setuju	12	15.6
Sangat Tidak Setuju	5	6.5
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 24 menunjukkan ramai subjek menyatakan rasa tidak setuju menjadikan Kedai Buku Koperasi ITM sebagai ejen tunggal dalam mengedarkan buku-buku terbitan BIROTEKS. Seramai 23 orang (29.9 %) menyatakan tidak setuju dan 30 orang (39.0 %) sangat tidak setuju dengan tindakan ini. Bagaimanapun ada juga subjek yang setuju iaitu 13.0 % atau 10 orang dan 6 orang (7.8 %) sangat setuju untuk mengekalkan Kedai Buku Koperasi ITM sebagai ejen tunggal.

**Jadual 24: Tanggapan Kedai Buku Koperasi ITM Dijadikan**

**Ejen Tunggal Mengedarkan Buku BIROTEKS**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	6	7.8
Setuju	10	13.0
Tidak Pasti	8	10.4
Tidak Setuju	23	29.9
Sangat Tidak Setuju	30	39.0
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 25 menunjukkan seramai 24 orang (31.2 %) tidak setuju dan 18 orang (23.4 %) sangat tidak setuju sekiranya Kedai Buku Koperasi ITM tidak mewujudkan cawangannya di seluruh kampus ITM. Bagaimanapun seramai 16 orang (20.8 %) menjawab setuju dan 8 orang (10.4 %) menjawab sangat setuju.

Jadual 25: Kedai Buku Koperasi ITM Tidak Perlu Di Cawangan

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	8	10.4
Setuju	16	20.8
Tidak Pasti	11	14.3
Tidak Setuju	24	31.2
Sangat Tidak Setuju	18	23.4
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 26 memperkatakan persetujuan subjek untuk menjual sendiri buku-buku mereka dengan diskau berpatutan. Seramai 10 orang (13.0 %) menyatakan sangat setuju dan 17 orang (22.1 %) menjawab setuju dengan kenyataan tadi. Seramai 28 orang (36.4 %) menjawab tidak pasti dan 13 orang (16.9 %) menjawab tidak setuju.

Jadual 26: Tanggapan Untuk Menjual Buku Sendiri

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	10	13.0
Setuju	17	22.1
Tidak Pasti	28	36.4
Tidak Setuju	13	16.9
Sangat Tidak Setuju	9	11.7
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

## **Ringkasan**

Sememangnya BIROTEKS perlu mewujudkan cawangannya di setiap kampus ITM. Ini bagi memastikan kegiatan penerbitan ITM berjalan setiap masa walaupun ada di kampus lain yang tergendala dalam projek penerbitan mereka. Ini disokong oleh seramai 52 orang (67.6 %) subjek yang bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan cawangan BIROTEKS. Di samping itu, kebanyakan subjek juga menyokong sekiranya Kedai Buku Koperasi ITM diwujudkan di semua kampus ITM. Namun begitu kebanyakan subjek tidak setuju untuk mengekalkan Kedai Buku Koperasi ITM sebagai ejen tunggal yang akan mengedarkan buku-buku BIROTEKS. Pernyataannya seramai 53 orang (68.9 %) yang tidak setuju dengan kenyataan ini

#### **4.8 KOMEN SAMPEL TERHADAP STRUKTUR ORGANISASI DAN SUMBER KEWANGAN**

Jadual 27 menunjukkan bahawa kebanyakan subjek menyokong dengan saranan agar pengurusan BIROTEKS diketuai oleh seorang kakitangan sepenuh masa yang berlatarbelakangkan bidang penerbitan. Seramai 40 orang (51.9 %) subjek sangat setuju dengan kenyataan ini. Juga seramai 24 orang (31.2 %) setuju dengan saranan ini. Namun begitu seramai 2 orang (2.6 %) tidak setuju dan 2 orang (2.6 %) juga menjawab sangat tidak setuju.

**Jadual 27: BIROTEKS Harus Diketuai Kakitangan Sepenuh Masa**

**Berkelulusan Bidang Penerbitan**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	40	51.9
Setuju	24	31.2
Tidak Pasti	9	11.7
Tidak Setuju	2	2.6
Sangat Tidak Setuju	2	2.6
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

**Jadual 28: BIROTEKS Perlu Peruntukan Khusus**

**Bagi Mengendalikan Kerja Penerbitan**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	42	54.5
Setuju	23	29.9
Tidak Pasti	8	10.4
Tidak Setuju	4	5.2
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 28 menunjukkan seramai 42 orang (54.5 %) subjek sangat setuju dan 23 orang (29.9 %) setuju agar BIROTEKS diberi peruntukan khusus setiap tahun dalam menjana dan mengendalikan kerja-kerja penerbitan bagi ITM. Namun begitu hanya 4 orang (5.2 %) menjawab tidak setuju.

**Ringkasan**

Bagi memantapkan lagi sistem pengurusan BIROTEKS, sememangnya perlu pentadbirannya dikendalikan oleh kakitangan sepenuh masa yang mempunyai kelulusan dalam bidang penerbitan. Lantikan jawatan Ketua BIROTEKS untuk tempoh dua tahun belum begitu mencukupi bagi kakitangan akademik kerana mereka terpaksa membahagikan separuh lagi masa untuk kerja-kerja pengajaran. Ini nyata sekali dengan persetujuan

seramai 64 orang (83.1 %) subjek yang yakin bahawa BIROTEKS hanya akan berjaya sekiranya dikendalikan oleh kakitangan sepenuh masa. Juga peruntukan yang khusus sememangnya perlu diberi setiap tahun bagi memastikan kerja-kerja penerbitan buku baik karya asal ataupun terjemahan. Seramai 65 orang (84.4 %) subjek bersetuju dalam hal ini.

#### **4.9 KEPENTINGAN BIROTEKS KEPADA SISTEM PENGURUSAN ITM**

Jadual 29 di bawah menunjukkan kesemua subjek bersetuju dengan kenyataan bahawa BIROTEKS seharusnya bekerjasama dengan penulis. Seramai 62 orang (80.5 %) subjek sangat setuju dan 15 orang (19.5 %) setuju dalam perkara ini.

**Jadual 29: BIROTEKS Sedia Bekerjasama Dengan Penulis**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	62	80.5
Setuju	15	19.5
Tidak Pasti	0	0.0
Tidak Setuju	0	0.0
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 30 pula menjelaskan bahawa hampir semua sampel menyokong kenyataan bahawa Pengurusan ITM seharusnya memberi perhatian yang penting kepada BIROTEKS sama dengan fakulti/pusat/jabatan/unit lain di ITM. Seramai 45 orang (58.4 %) sangat setuju dan 35.1 % atau 27 orang setuju dengan pernyataan ini. Namun begitu 3 orang (3.9 %) menjawab tidak setuju.

Jadual 30: Pengurusan ITM Perlu Beri Perhatian

Penting Kepada BIROTEKS

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	45	58.4
Setuju	27	35.1
Tidak Pasti	2	2.6
Tidak Setuju	3	3.9
Sangat Tidak Setuju	0	0.0
Jumlah	77	100.0

Jadual 31: BIROTEKS Harus Diberi Kuasa

Jual Terus Hasil Terbitannya

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	38	49.4
Setuju	22	28.6
Tidak Pasti	12	15.6
Tidak Setuju	2	2.6
Sangat Tidak Setuju	3	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 31 menunjukkan seramai 38 orang (49.4 %) sangat setuju dan 22 orang (28.6 %) setuju BIROTEKS seharusnya diberi kuasa penuh untuk menjual terus buku-buku terbitan mereka tanpa melalui ejen yang dilantik. Hanya 2 orang (2.6 %) menjawab tidak setuju dan 3 orang (3.9 %) menjawab sangat tidak setuju.

Jadual 32: BIROTEKS Sebagai Sebuah Persyarikatan

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	42	54.5
Setuju	26	33.8
Tidak Pasti	6	7.8
Tidak Setuju	0	0.0
Sangat Tidak Setuju	3	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 32 menunjukkan kebanyakan subjek iaitu 54.5 % atau 42 orang sangat setuju dan 26 orang (33.8 %) setuju menjadikan BIROTEKS sebagai sebuah persyarikatan perniagaan bagi menangani kegawatan ekonomi masa kini. Namun begitu, hanya 3 orang (3.9 %) menjawab sangat tidak setuju.

### **Ringkasan**

Kebanyakan sampel berharap agar BIROTEKS lebih terbuka dan bekerjasama dalam urusan kerja-kerja penerbitannya. Ini dipersetuju oleh kesemua subjek iaitu seramai 77 orang (100.0 %). Begitu juga pihak pengurusan atasan perlu memberi perhatian penting kepada perjalanan aktiviti BIROTEKS sama dengan jabatan-jabatan yang lain. Seramai 72 orang (93.5 %) bersetuju dengan kenyataan ini dan seharusnya diberi pertimbangan sewajarnya oleh Pengurusan ITM.

Kuasa menjual terus hasil terbitannya sememangnya perlu diberi untuk mengelakkan bayaran komisyen yang tinggi kepada ejen yang dilantik. Dengan ini pendapat bersih akan lebih berlipat ganda. Ditambah pula dengan kepercayaan dengan memberi status sebagai sebuah syarikat perniagaan, diyakini BIROTEKS akan mampu meraih keuntungan sekadar yang ia mampu. Kebanyakan subjek iaitu 88.3 % atau 67 orang bersetuju untuk menjadikan BIROTEKS sebagai sebuah persyarikatan perniagaan.

#### **4.10 KEPENTINGAN BIROTEKS KEPADA PELAJAR ITM**

Jadual 33 menunjukkan seramai 36 orang (46.8 %) sangat setuju dan 26 orang (33.8 %) setuju agar BIROTEKS memikirkan kebijakan pelajar dengan memberi subsidi kepada pelajar memandangkan harga buku yang tinggi masa kini. Namun begitu, 9 orang (11.7 %) menjawab tidak pasti dan 5 orang (6.5 %) menjawab tidak setuju. Hanya seorang sahaja (1.3 %) menjawab sangat tidak setuju.

**Jadual 33: BIROTEKS Beri Subsidi Kepada Pelajar**

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	36	46.8
Setuju	26	33.8
Tidak Pasti	9	11.7
Tidak Setuju	5	6.5
Sangat Tidak Setuju	1	1.3
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 34 menunjukkan kebanyakan subjek tidak bersetuju dengan budaya “fotokopi” di kalangan warga ITM demi untuk mendapat salinan termurah. Seramai 25 orang (32.5 %) menjawab tidak setuju dan 24 orang (31.2 %) menjawab sangat tidak setuju. Namun, ada juga subjek yang bersetuju dengan budaya ini iaitu seramai 15 orang (19.5 %) menyatakan sangat setuju dan 7 orang (9.1 %) setuju. Hanya 6 orang (7.8 %) menjawab tidak pasti.

Jadual 34: Budaya Fotokopi Di Kalangan Warga ITM

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	15	19.5
Setuju	7	9.1
Tidak Pasti	6	7.8
Tidak Setuju	25	32.5
Sangat Tidak Setuju	24	31.2
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

### **Ringkasan**

Kebajikan para pelajar sememangnya harus difikirkan oleh pihak Pengurusan ITM termasuklah pihak BIROTEKS. Oleh itu dengan memberi subsidi kepada pelajar dapat mengurangkan beban mereka untuk membeli buku dengan harga yang tinggi. Ini dipersetujui oleh 62 orang (80.6 %) subjek dalam perkara ini. Dengan pemberian subsidi ini juga dapat menghalang

berleluasanya budaya “fotokopi” terutama sekali di kalangan para pelajar ITM juga di IPT yang lain.

#### **4.11 TANGGAPAN TERHADAP KOMISYEN DAN KECENDERUNGAN RESPONDEN**

Jadual 35 menunjukkan kebanyakan sampel setuju untuk tidak memberi komisyen yang tinggi kepada Kedai Buku Koperasi ITM apabila menjual buku-buku BIROTEKS. Seramai 21 orang (27.3 %) sangat setuju dan 25 orang (32.5 %) setuju dengan saranan ini. Bagaimanapun ramai juga yang tidak pasti iaitu 28.6 % atau seramai 22 orang. Hanya 7 orang (9.1 %) menjawab tidak setuju dan 2 orang (2.6 %) menjawab sangat tidak setuju.

Jadual 35: Kedai Buku Koperasi ITM Tidak Seharusnya

Diberi Komisyen Tinggi

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	21	27.3
Setuju	25	32.5
Tidak Pasti	22	28.6
Tidak Setuju	7	9.1
Sangat Tidak Setuju	2	2.6
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 36: Pilih BIROTEKS Untuk Terbit Buku Kelak

Kekerapan	Bilangan	Peratus
Sangat Setuju	11	14.3
Setuju	29	37.7
Tidak Pasti	23	29.9
Tidak Setuju	9	11.7
Sangat Tidak Setuju	5	6.5
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>	<b>100.0</b>

Jadual 36 menunjukkan pernyataan hampir setengah daripada jumlah responden mahukan BIROTEKS menjadi ejen untuk menerbitkan buku mereka kelak. Seramai 11 orang (14.3 %) menjawab sangat setuju dan 29 orang (37.7 %) menjawab setuju untuk memilih BIROTEKS bagi menerbitkan buku mereka untuk masa yang akan datang. Namun begitu seramai 23 orang (29.9 %) tidak pasti dalam perkara ini. Hanya 9 orang (11.7 %) menjawab tidak setuju dan 5 orang (6.5 %) menjawab sangat tidak setuju.

### **Ringkasan**

Dari analisis data tadi menunjukkan ramai responden tidak bersetuju BIROTEKS memberi komisyen yang tinggi kepada Kedai Buku Koperasi ITM, iaitu 59.8 % atau 46 orang menyatakan persetujuan mereka dalam perkara ini. Terpulanglah kepada Pengurusan ITM untuk mempertimbangkan pandangan responden ini. Namun begitu, seramai 40 orang (52.0 %) memberi

persetujuan membenarkan BIROTEKS menerbitkan penerbitan mereka kelak. Ini juga menandakan bahawa penerbit ITM masih mendapat sokongan, perhatian dan kepercayaan kakitangan akademik dalam bidang penerbitan.

## **4.12 RUMUSAN KEPUTUSAN KAJIAN**

### **4.12.1 Latar Belakang Sampel**

- (a) Majoriti sampel juga berada di ITM Shah Alam dan dari segi lojistiknya BIROTEKS juga terletak di kampus Shah Alam.
- (b) Dari segi jantinanya sampel lelaki lebih ramai dari sampel perempuan.
- (c) Majoriti sampel dari aspek ras berketurunan Melayu dan sememangnya ramai bangsa Melayu bekerja untuk ITM.
- (d) Hasil analisis data telah menunjukkan bahawa majoriti sampel mempunyai kelulusan Sarjana (54.5 %) dan Doktor Fasafah (39.0 %) sebagai pendidikan tertinggi mereka.

- (e) Majoriti sampel juga berada pada gred jawatan pensyarah kanan dan ke atas.
- (f) Kebanyakan sampel yang menjawab soal selidik dan mudah memberi kerjasama dalam hal ini ialah Pusat Bahasa (15.6 %) dan Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat (13.0 %). Dan bidang yang diajar oleh sampel kebanyakannya ialah bidang Bahasa (12.9 %) dan Pengurusan (12.1 %).
- (g) Bentuk karya asal merupakan karya penulisan yang paling banyak telah dihasilkan (20.3 %). Juga karya asal masih diminati untuk diterbitkan oleh kebanyakan sampel.

#### **4.12.2 Tanggapan Terhadap Peranan BIROTEKS Sebagai Penerbit Universiti**

- (I) *Saya tidak tahu bahawa BIROTEKS merupakan salah sebuah penerbit universiti di Malaysia.*

Pada keseluruhannya para akademik ITM tahu peranan BIROTEKS sebagai salah sebuah penerbit universiti kepada ITM.

- (2) *Saya tahu BIROTEKS mempunyai "house-style"nya sendiri dalam menerbitkan semua bentuk penerbitan.*

Pada keseluruhannya para sampel menyetujui bahawa mereka tahu BIROTEKS mempunyai "house-style"nya dalam menerbitkan semua bentuk penerbitan. Ini amat berguna agar mereka mudah merencana setiap penerbitan yang bakal diterbitkan.

- (3) *BIROTEKS tidak seharusnya mempunyai dasar penerbitannya sendiri bagi menjamin kualiti semua penerbitannya di ITM.*

Hampir setengah daripada responden menyatakan perlunya BIROTEKS mewujudkan Dasar Penerbitannya sendiri. Ini bertujuan untuk mengawal setiap bentuk penerbitan yang dibuat oleh semua fakulti ataupun pusat.

#### **4.12.3 Keperluan Latihan Dalam Bidang Penulisan dan Terjemahan.**

- (1) *Saya berminat diberi latihan penulisan oleh BIROTEKS.*

Pada amnya, lebih daripada separuh subjek begitu menunjukkan minat yang mendalam untuk diberi latihan penulisan. Oleh itu pihak

- (2) *Saya diberitahu bahawa buku yang dihasilkan;*
- *Saiz buku 6" x 9"*
  - *Saiz taip 10/12 point*
  - *Rupa taip "Time Roman"*
  - *Hak Cipta Terpelihara*

Hampir separuh sampel menyatakan tidak pasti dengan jusifikasi buku yang bakal dihasilkan. Hal ini sepatutnya diberitahu atau diberi penerangan oleh BIROTEKS kepada semua bakal penulis.

- (3) *Jenis jilidan buku yang diterbitkan oleh BIROTEKS perlu diperbaiki bagi memastikan buku tidak mudah tercabut dari "ikatannya".*

Lebih separuh sampel bersetuju BIROTEKS memperbaiki dan mempercikaskan jilidan yang sedia ada bagi mengelakkan buku dari mudah tercabut. Buku yang baik bukan sahaja dinilai dari aspek isi dan kandungannya sahaja, malahan kualiti jilidan juga menentukan tahap ketahanan dan usia buku tersebut.

- (4) *Saya tidak berminat untuk melibatkan diri dalam proses menghasilkan kulit buku karya saya sendiri.*

Kebanyakan sampel begitu berminat untuk melibatkan diri dalam proses menghasilkan kulit buku karya mereka. Penglibatan ini

seharusnya difikirkan oleh pihak BIROTEKS demi mengekalkan hubungan di antara pihaknya dengan penulis-penulis.

- (5) *Saya tidak setuju BIROTEKS mengwastakan kerja-kerja atur huruf kepada syarikat-syarikat luar.*

Hampir setengah daripada sampel tidak setuju kerja-kerja atur huruf diswastakan oleh BIROTEKS kepada syarikat-syarikat luar. Urusan sebegini berkemungkinan akan melambatkan penyediaan dumi buku atau terjemahan yang dibuat. Sekiranya ada pembetulan yang perlu dibuat BIROTEKS terpaksa mengambil masa yang lama dan ini lagi merumitkan kerja.

- (6) *Peralatan/bahan "Desktop Publishing" (DTP) di BIROTEKS sepatutnya berkembang mengikut kemajuan teknologi penerbitan masa kini.*

Hampir kesemua sampel bersetuju bahawa peralatan/bahan DTP yang ada di BIROTEKS kini perlu dinaiktarafkan mengikut kemajuan teknologi penerbitan masa kini. Peralatan/bahan yang canggih amat membantu kerja-kerja penerbitan begitu juga dengan peralatan percetakan. BIROTEKS seharusnya memikirkan keperluan *Print On Demand* (POD).

#### **4.12.5 Aktiviti Pasaran dan Pengedaran Buku-buku Terbitan BIROTEKS.**

- (1) *Adakah anda setuju dengan pendapat yang mengatakan BIROTEKS lewat dalam urusan kerja-kerja penerbitan.*

Hampir keseluruhan para akademik menyatakan bahawa BIROTEKS sememangnya lewat dalam urusan kerja-kerja penerbitannya. Kelewatan ini semestinya berpunca dari masalah kewangan yang runcing yang dihadapi oleh BIROTEKS. Kedai Buku Koperasi ITM dikatakan masih lagi berhutang dengan BIROTEKS lebih dari RM80,000.00 dan ini telah menjelaskan jadual kerja penerbitan yang bakal dilakukan. Namun BIROTEKS seharusnya menerima kenyataan ini sebagai tamparan hebat dalam kerjayanya sebagai penerbit ITM.

- (2) *Buku terbitan saya mendapat pasaran yang menggalakkan di kalangan penggunanya.*

Ramai kakitangan akademik merasa tidak pasti ada penerbitan yang bakal dihasilkan mendapat pasaran yang menggalakkan di kalangan pengguna. Keraguan ini mungkin berpunca dari faktor kelewatan kerja-kerja penerbitan seperti di atas.

- (3) *Buku-buku BIROTEKS mudah diperolehi sekiranya diperlukan.*

Begitu juga dengan buku-buku BIROTEKS, para akademik juga merasa kurang pasti dan tidak setuju sama ada ianya mudah diperolehi apabila diperlukan. Ini kerana dari segi logistiknya Kedai Buku Koperasi ITM hanya terdapat di Shah Alam dan tidak di semua kampus ITM. Ini menyukarkan pasaran buku kepada para pelajar ITM di seluruh Malaysia untuk mendapatkan bekalan.

- (4) *Saya tahu BIROTEKS hanya terdapat di kampus ITM Shah Alam.*

Seramai 51 para akademik mengesahkan mereka hanya tahu BIROTEKS di Shah Alam dan tidak di kampus-kampus lain. Publisiti BIROTEKS juga mungkin tidak berperanan dalam menghebahkan hasil keluarannya.

#### **4.12.6 Keperluan BIROTEKS di Semua Cawangan ITM.**

- (1) *Perlukah BIROTEKS mewujudkan cawangannya di semua kampus cawangan ITM di Malaysia?*

Lebih separuh para akademik bersetuju sekiranya BIROTEKS mewujudkan cawangannya di semua kampus ITM seluruh Malaysia. Ini dapat membantu strategi pasaran dan pengedaran buku-buku BIROTEKS di Malaysia. Pengwujudan ini juga akan dapat memperkuatkan kedudukan BIROTEKS sebagai salah sebuah penerbitan ilmiah institusi pengajian tinggi di Malaysia.

- (2) *Adakah anda setuju hanya Koperasi Kedai Buku ITM dijadikan ejen tunggal menjual buku-buku BIROTEKS.*

Kebanyakan sampel tidak bersetuju dengan menjadikan Kedai Buku Koperasi ITM sebagai ejen tunggal dalam memasar dan menjual buku-buku terbitan BIROTEKS. Dengan membataskan Kedai Buku Koperasi ITM sebagai pengedar akan mengekang kebebasan BIROTEKS menentukan kekuatan pasarannya kelak.

- (3) *Koperasi Kedai Buku ITM tidak perlu mempunyai cawangannya di semua kampus cawangan untuk memasarkan buku-buku BIROTEKS.*

Seperti juga perlunya perluasan BIROTEKS, lebih separuh para akademik bersetuju Kedai Buku Koperasi ITM ditubuhkan di seluruh kampus cawangan. Ini akan menjamin pemasaran buku-buku BIROTEKS di seluruh Malaysia.

- (4) *Saya bersetuju untuk menjual sendiri buku-buku saya dengan diskau yang berpatutan.*

Terdapat segelintir para akademik yang bersetuju menjual buku-buku tulisan mereka dengan potongan harga yang berpatutan. Ini merupakan satu langkah yang boleh dianggap baik dengan merapatkan hubungan di antara penulis dengan pengguna.

#### **4.12.7 Struktur Organisasi dan Sumber Kewangan BIROTEKS.**

- (1) *BIROTEKS seharusnya diketuai oleh kakitangan sepenuh masa berkelulusan dalam bidang penerbitan.*

Pada keseluruhannya para akademik menyetujui bahawa pengurusan BIROTEKS seharusnya diketuai oleh kakitangan sepenuh masa yang berkelulusan dalam bidang penerbitan. Perubahan pucuk pentadbiran BIROTEKS dua tahun sekali akan merumitkan kerja kerana setiap kakitangan baru perlu dilatih sepenuhnya dalam bidang penerbitan.

- (2) *BIROTEKS perlu diberi peruntukan khusus setiap tahun dalam menjana dan mengendalikan kerja-kerja penerbitan bagi ITM.*

Sememangnya ramai responden menyetujui bahawa BIROTEKS perlu diberi peruntukan khusus setiap tahun dalam menjana dan mengendalikan kerja-kerja penerbitan bagi ITM. Tanpa peruntukan yang mencukupi sudah semestinya kerja-kerja penerbitan akan menjadi lambat.

#### **4.12.8 Kepentingan BIROTEKS Kepada Sistem Pengurusan ITM.**

- (1) *Sebagai sebuah pusat penerbitan buku, BIROTEKS hendaklah bersedia bekerjasama dengan penulis.*

Kesemua para akademik menyetujui bahawa BIROTEKS perlu dan sedia bekerjasama dengan penulis. Hubungan ini akan amat perlu bagi menarik perhatian para akademik lain untuk menulis dan menterjemah untuk penerbit ITM.

- (2) *Pihak pengurusan ITM seharusnya memberi perhatian yang penting kepada BIROTEKS sama dengan fakulti/pusat/jabatan/unit lain di ITM.*

Hampir kesemua para akademik bersetuju bahawa Pengurusan ITM perlu memberi perhatian yang penting kepada BIROTEKS sama dengan fakulti/pusat/jabatan/unit lain di ITM. Oleh itu, Pengurusan ITM semestinya memberi sokongan yang padu dalam melayani segala kehendak dan permintaan BIROTEKS.

- (3) *Sebagai badan penerbitan ITM, BIROTEKS seharusnya diberi kuasa untuk menjual terus kesemua hasil terbitannya tanpa melalui ejen yang dilantik.*

Lebih separuh para akademik menyetujui bahawa BIROTEKS harus diberi kuasa menjual terus segala penerbitannya tanpa melalui ejen yang dilantik. Kebimbangan ejen mengaut lebih keuntungan akan membantu kelancaran urusan penerbitan dan ini boleh menyebabkan bakal-bakal penulis hilang minat kepada BIROTEKS.

- (4) *ITM boleh menjadikan BIROTEKS sebagai sebuah persyarikatan perniagaan bagi menangani kegawatan ekonomi masa kini.*

Lebih separuh sampel menyatakan persetujuan dengan menjadikan BIROTEKS sebagai sebuah persyarikatan perniagaan bagi membantu ITM menangani kegawatan ekonomi masa kini.

#### **4.12.9 Kepentingan BIROTEKS Kepada Para Pelajar ITM.**

- (1) *BIROTEKS seharusnya memikirkan kebajikan para pelajar dengan memberi subsidi memandangkan harga buku yang diterbitkan tinggi.*

Pada keseluruhannya lebih separuh para akademik menyetujui bahawa kebajikan para pelajar harus difikirkan dengan memberi subsidi kerana harga buku ilmiah kebanyakannya agak mahal.

- (2) *Adakah anda bersetuju dengan budaya "fotokopi" di kalangan warga ITM demi untuk mendapatkan salinan yang termurah.*

Budaya “fotokopi” ini tidak dipersetujui oleh lebih separuh para akademik, namun untuk membendungnya adalah sukar. Jadi pemberian subsidi kepada pelajar seperti di atas adalah antara kaedah terbaik dalam menangani budaya ini.

#### **4.12.10 Komisyen dan Kecenderungan Responden.**

- (1) *Koperasi Kedai Buku ITM tidak seharusnya diberi komisyen yang tinggi dalam buku-buku terbitan BIROTEKS.*

Lebih separuh para akademik menyetujui bahawa ejen pengedaran buku BIROTEKS ini tidak seharusnya diberi komisyen yang tinggi. Ini hanya akan membebankan pusingan peruntukan penerbitan BIROTEKS.

- (2) *Saya setuju memilih BIROTEKS untuk menerbitkan buku saya kelak.*

Pada keseluruhannya lebih separuh para akademik menyetujui untuk memilih BIROTEKS sebagai penerbit mereka kelak. Ini bermakna BIROTEKS perlu memperbaiki mutu perkhidmatannya bagi memastikan pelanggannya tidak lari ke tempat lain.

#### **4.13 HASIL TEMUBUAL DENGAN SUBJEK TERPILIH**

Hasil temubual ini telah membekalkan banyak data bernilai yang tidak dapat diperolehi melalui soal selidik. Kebanyakan maklumat dari hasil temubual dengan subjek terpilih mengesahkan dapatan-dapatan penting seperti yang telah dinyatakan.

- 1. Apakah perbezaan di antara BIROTEKS dengan penerbit ilmiah khususnya penerbit universiti yang lain?*

Jawatan Ketua BIROTEKS bukanlah jawatan tetap, tetapi lantikan untuk tempoh dua tahun. Sebaliknya bagi Penerbit UKM, Jabatan Penerbitannya diketuai oleh oleh seorang Ketua Jabatan yang berjawatan tetap. BIROTEKS juga buat masa ini tidak mempunyai jawatan yang khusus untuk Pegawai Pemasaran.

- 2. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, BIROTEKS hanya bergerak cergas dan aktif selepas tahun 1986, kenapa?*

Alasan kenapa BIROTEKS hanya aktif selepas tahun 1986 ialah kerana selepas tahun itu lebih ramai pensyarah menunjukkan minat dalam penulisan, dan ITM telah menjadikan penulisan sebagai satu kriteria untuk kenaikan pangkat kepada semua pensyarah.

3. *ITM mempunyai bilangan pelajar yang paling ramai dengan 18 buah fakulti dan 11 kampus cawangan di seluruh negara berbanding dengan universiti tempatan yang lain. Adakah BIROTEKS berkemampuan memenuhi semua kehendak pelajar, dan kenapakah semua aktiviti BIROTEKS hanya tertumpu di ITM Shah Alam?*

Walaupun dengan bilangan pelajar yang paling ramai, BIROTEKS masih berkemampuan mengendalikan dan mengedarkan penerbitannya kesemua kampus cawangan ITM dengan menggunakan Kedai Buku Koperasi ITM. BIROTEKS juga dalam usaha untuk memperkembangkan operasinya ke seluruh kampus cawangan.

4. *Berdasarkan sumber maklumat yang diperolehi, kakitangan BIROTEKS masih belum mencukupi. Apakah yang dimaksudkan sedemikian?*

Apa yang saya benar-benar maksudkan ialah terdapat beberapa jawatan penting dalam penerbitan tidak diisi seperti Pereka Grafik dan Pegawai Pemasaran di samping ruang yang terlalu sempit untuk bekerja dan tidak selesa.

5. *BIROTEKS mengikut polisinya tidak dibenarkan membuat jualan langsung. Bagaimanapun, ianya dijalankan oleh Kedai Buku Koperasi ITM. Bagaimana ini memberi kesan kepada BIROTEKS?*

Kesannya ialah ia melewati dan melambatkan jualan dan pasaran penerbitan BIROTEKS. Kami cuba mencari pilihan lain untuk mengedarkan terbitan kami, malahan BIROTEKS tidak tertanggung dengan komisyen 50 peratus yang diminta ke atas setiap harga buku.

6. *Sejak penubuhan BIROTEKS, bilakah keuntungan maksimum dicapai oleh BIROTEKS? Berapa banyak dan bagaimana ianya diperolehi?*

Keuntungan maksimum ialah sebanyak RM140,000.00 pada tahun 1990. Peningkatan ini datangnya dari penjualan buku teks Bahasa Inggeris yang diwajibkan kepada pelajar sebagai rujukan utama.

7. *Adakah BIROTEKS pernah mengalami kerugian dan berapakah jumlahnya serta kenapa ianya berlaku?*

Sepanjang yang saya ingat, BIROTEKS belum pernah mengalami kerugian.

8. *Berapakah peratus komisyen atau royalti diberi kepada Kedai Buku Koperasi ITM, penulis, penterjemah dan penilai luar?*

Kedai Buku Koperasi ITM menerima 35 peratus dan dalam hal-hal tertentu 20 peratus sahaja. Bagi penulis pula, mereka menerima di antara 10 hingga 12 peratus dan dibayar setahun sekali. Manakala penterjemah pula menerima 2 hingga 4 sen untuk sepatuh perkataan dan ditetapkan oleh Ketua BIROTEKS. Pemeriksa Luar pula hanya dibayar RM150.00 sahaja untuk satu-satu manuskrip.

9. *Dalam usaha memastikan proses penulisan dan penerbitan tepat pada masanya, apakah kriteria atau prosidur yang digunakan oleh BIROTEKS? Bagaimana sekiranya berlaku kelewatan atau penulis tidak berupaya untuk menyelesaiannya tepat pada masa yang ditetapkan?*

Dalam hal untuk memastikan penulis selesai kerja tepat pada masanya, satu garis panduan dikeluarkan kepada mereka sebaik sahaja mereka memulakan kerja penulisan. Pada masa yang sama Koordinator secara perlahan-lahan mengikuti perkembangan penulisan tersebut. Sebarang kelewatan atau penulis tidak mampu menyelesaikan kerja tepat pada masanya boleh menyebabkan penamatan kontrak.

10. *Berapa banyakakah buku yang dicetak untuk cetakan pertama, dan bagaimanakah dengan pengedarannya?*

Seperti kebiasaannya cetakan minimum ialah sebanyak 500 naskah dan maksimum 1000 naskah. Lazimnya bagi kerja terjemahan, jumlah cetakan pertama dihadkan kepada 500 naskah sahaja. Manakala bagi karya asal, cetakan pertama di antara 500 hingga 1000 naskah. Jumlah cetakan semula pula bergantung kepada permintaan pasaran.